

| | | | |
|------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Peserta seminar memburu impian | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 12 May 2014 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 314,000 |
| Page No | 15 | Readership | 942,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 198 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,825 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,476 |



Ibu bapa turut menggalakkan saya menyertai seminar ini demi mencapai kecemerlangan dalam UPSR”

**Izni Masitah
Balqis Iszaha,
Murid SK Bukit Bidan**

Peserta seminar memburu impian

Muadzam Shah: Demi memburu impian bergelar jurutera kelak, Awang Khalid Al Walid Sabri, 12, enggan melepaskan peluang memantapkan perseidiaannya menghadapi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dengan menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014 di sini, baru-baru ini.

Murid Tahun Enam di Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Tun Razak itu berkata, seminar berkenaan yang dianjurkan oleh Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH penting untuk membantunya mempertingkat ilmu pengetahuan serta memperoleh tip pembelajaran daripada penceramah pakar dan berpengalaman.

Selain pengajaran dan pembelajaran di sekolah,

katanya, beliau memerlukan bimbingan serta pengisian tambahan yang boleh memberi kelebihan untuk menjawab soalan peperiksaan dengan tepat dan berkesan nanti.

“Sebelum ini, saya hanya mengharapkan pengajaran dan pembelajaran di kelas sebagai persiapan menghadapi peperiksaan, namun menerusi seminar ini saya menimba pelbagai teknik berguna yang dapat membantu calon menjawab soalan dalam kertas UPSR.

Mengasah minda

“Selain itu, penceramah yang pakar juga menekankan beberapa perkara penting supaya calon tidak mengambil mudah ketika menjawab soalan peperiksaan,” katanya

ketika ditemui pada seminar berkenaan.

Rakannya, Izni Masitah Balqis Iszaha dari SK Bukit Bidan, berkata pengajuran seminar itu membuka peluang kepada murid luar bandar untuk mengasah minda ke arah mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan UPSR, September depan.

“Ini adalah penyertaan pertama kali saya dan ia menyerokkan kerana penceramah bersungguh-sungguh mencerahkan ilmu yang amat bermakna untuk membantu saya menghadapi peperiksaan nanti.

“Ibu bapa turut menggalakkan saya menyertai seminar ini demi mencapai kecemerlangan dalam UPSR,” katanya.

Bantu calon luar bandar

Sementara itu guru SK Keratong 10, Kamnisah Ab Aziz, pula berkata pengajuran seminar berkenaan wajar diteruskan pada masa hadapan untuk membantu kecemerlangan calon peperiksaan di kawasan luar bandar.

“Mereka bersemangat dan memberikan tumpuan sepenuhnya apabila penceramah memberikan tip atau maklumat untuk menjawab soalan dalam peperiksaan UPSR nanti.

“Jelas sekali program ini mampu menarik minat mereka, secara langsung membantu pengajaran guru di kelas selepas murid terabit mendapat panduan dan bimbingan cara belajar yang mudah dan sistematis,” katanya.